

Artikel Penyelidikan

Melakar Tradisi Menempa Warisan: Keris

Mohd Khairuddin Jadin¹, Ahmad Harris Iskandar Ahmad Taufit², Jafalizan Md Jali^{3*}

¹ Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; khairuddincool100@gmail.com;

² Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; harrisiska15@gmail.com;

³ Kolej Pengajian Perkomputeran, Informatik dan Matematik, Universiti Teknologi MARA, Kampus Puncak Perdana, Selangor, Malaysia.; jafalizan@uitm.edu.my; ID 0009-0009-7236-9863

* Correspondence: jafalizan@uitm.edu.my; +60192055563

Abstrak: Keris merupakan warisan budaya ikonik dalam masyarakat Melayu yang melambangkan sejarah, nilai, dan identiti sosial. Artikel ini mendokumentasikan tradisi pembuatan keris dengan meneliti proses pembentukan senjata ini, termasuk pemilihan bahan, teknik tempa tradisional, dan ukiran simbolik yang melambangkan makna tersirat dalam budaya Melayu. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif melalui temu bual dan analisis dokumen bagi memahami teknik pembuatan serta cabaran dalam memelihara seni ini, seperti kekurangan minat generasi muda dan kesukaran mendapatkan bahan mentah berkualiti. Hasil kajian menegaskan kepentingan seni pembuatan keris sebagai warisan budaya yang perlu dilestarikan agar nilai dan identiti Melayu terus terpelihara.

Kata kunci: Keris, Melayu, Warisan, Pandai Besi, Seni Tradisional

DOI: 10.5281/zenodo.15003432



Copyright: © 2025 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

1. PENGENALAN

Warisan budaya merupakan salah satu aset penting yang mencerminkan identiti sesebuah negara dan masyarakatnya. Di Malaysia, warisan budaya merangkumi pelbagai aspek seperti seni, adat, makanan, dan kraf tangan yang diwarisi turun-temurun. Walaupun negara ini telah melalui banyak perubahan dan pemodenan, usaha untuk mengekalkan warisan budaya tradisional masih berterusan melalui inisiatif kerajaan dan masyarakat. Di bawah Jabatan Warisan Negara, pelbagai langkah telah diambil untuk memastikan agar khazanah budaya ini terus dihargai dan dihidupkan, walaupun menghadapi cabaran dari segi kepentingan generasi muda dan globalisasi. Salah satu unsur warisan budaya yang semakin dilupakan ialah seni pembuatan senjata tradisional seperti keris, yang memiliki nilai sejarah, estetika, dan simbolisme yang tinggi.

Senjata tradisional, seperti keris, bukan sekadar alat untuk mempertahankan diri, tetapi juga menjadi simbol adat dan ketinggian nilai budaya dalam masyarakat Melayu. Keris khususnya dianggap memiliki roh dan aura tersendiri yang melambangkan kehormatan, keberanian, dan kebijaksanaan. Pembuatan keris memerlukan kemahiran dan ketekunan yang luar biasa, di mana setiap keris direka bentuk dengan teliti, mengikut adat dan falsafah tertentu. Bagi masyarakat Melayu, keris juga dikaitkan dengan hierarki sosial dan status, sering dijadikan simbol keagungan dalam majlis adat istiadat dan digunakan oleh golongan bangsawan.

2. PERMASALAHAN KAJIAN

Walaupun keris merupakan salah satu warisan seni yang telah terkenal sejak dahulu lagi, ia masih kurang mendapat perhatian dan sokongan. Kepentingan dalam penghasilan keris ini, terutamanya dalam menjadikan imej negara Malaysia sebagai salah satu negara yang masih mengekalkan Institusi beraja, sering kali tidak diberikan keutamaan dalam kalangan masyarakat setempat (Dspace Unimap, n.d.).

Hal ini menyebabkan ilmu daripada seni pembuatan keris semakin terpinggir, dengan pengetahuan tentang teknik dan proses pembuatannya hanya diwariskan secara turun-temurun melalui ayah kepada anak. Tanpa usaha pendokumentasian atau pemeliharaan yang sistematis, seni ini berisiko untuk pupus dalam jangka masa panjang. Kesan daripada situasi ini bukan sahaja akan menyebabkan kehilangan warisan budaya yang bernilai tinggi, tetapi juga melemahkan identiti budaya masyarakat Melayu dan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang kaya dengan tradisi seni dan adat (Mohd Zamri, Mohammad Syazmin (2021).

Di samping itu, masalah kekurangan minat remaja dalam pembuatan keris menjadi salah satu cabaran utama dalam usaha memelihara warisan ini. Kurangnya pendedahan terhadap seni kraf tangan keris di Malaysia menimbulkan persoalan tentang keberlanjutan legasi pembuatannya di seluruh negara. Tanpa sokongan yang mencukupi dari segi tenaga kerja muda dan kesedaran masyarakat, seni pembuatan keris berisiko semakin terpinggir. Hal ini bukan sahaja mengancam kelangsungan warisan budaya, tetapi juga boleh menjelaskan imej Malaysia sebagai sebuah negara yang mengekalkan institusi beraja dan warisan seninya (Siti Nadhirah Binti Mohd Zulkeply, 2021).

3. OBJEKTIF KAJIAN

Antara objektif daripada kajian ini ialah:

- a) Untuk mendokumentasikan sejarah dan pengalaman pembuat keris.
- b) Untuk mengenalpasti proses pembuatan keris dan langkah-langkahnya agar maklumat tentang proses pembuatan keris tidak hilang dimasa akan datang.
- c) Untuk mengkaji bagaimana bahan dan teknologi moden digunakan dalam proses pembuatan keris dan kesannya terhadap kualiti produk.

4. PERSOALAN KAJIAN

Dalam menjalankan penyelidikan ini, persoalan kajian merupakan aspek yang penting dalam memastikan hala tuju kajian ini tidak tersasar. Oleh itu pengkaji telah mewujudkan 3 persoalan kajian iaitu:

1. Apakah pengalaman tokoh dalam dunia Pembuatan Keris?
2. Apakah langkah serta proses pembuatan keris?
3. Apakah bahan serta alat yang digunakan dalam pembuatan keris seiring dengan kemajuan teknologi moden?

5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Artikel ini memainkan peranan penting dalam mendokumentasikan teknik dan tradisi pembuatan keris, seni warisan yang kaya dengan nilai budaya dan sejarah. Ia menggariskan proses pembentukan keris, termasuk pemilihan bahan, teknik tempa tradisional, serta ukiran yang melambangkan simbol dan kepercayaan dalam masyarakat Melayu. Selain itu, artikel ini turut meneliti cabaran utama dalam pemeliharaan seni ini, seperti kekurangan bahan mentah berkualiti dan kurangnya minat generasi

muda. Dengan menelusuri kepentingan dan keindahan seni pembuatan keris, kajian ini menegaskan perlunya usaha berterusan dalam memastikan kelangsungan warisan ini sebagai identiti budaya Melayu.

Selain itu, artikel ini juga berfungsi sebagai alat pendidikan budaya. Ia membuka peluang untuk generasi muda dan masyarakat umum memahami nilai-nilai yang terkandung dalam pembuatan keris, seperti kesabaran, ketelitian, dan penghormatan kepada tradisi. Informasi yang dikongsikan mampu memperkaya pengetahuan tentang seni dan adat istiadat, sekaligus menggalakkan penghargaan terhadap warisan yang mungkin sedang dilupakan. Dengan menghubungkan elemen tradisi dan moden, artikel ini menjadi medium yang berkesan untuk menyampaikan makna budaya kepada generasi baharu.

Dari sudut akademik, artikel ini menyediakan bahan rujukan penting untuk kajian sejarah seni dan warisan budaya. Perincian tentang teknik tradisional, bahan yang digunakan, dan cabaran yang dihadapi menambah nilai kepada usaha penyelidikan dan dokumentasi seni Melayu. Selain itu, artikel ini menekankan kepentingan pemeliharaan seni pembuatan keris sebagai simbol kesinambungan budaya. Dengan segala informasinya, artikel ini memberikan sumbangan besar kepada pemahaman dan kelestarian warisan kebangsaan.

6. TINJAUAN LITERATUR

Tinjauan yang dilakukan melalui YouTube menunjukkan bahawa carian berkenaan keris mencapai jumlah yang besar, menandakan minat yang masih wujud terhadap seni pembuatan senjata tradisional ini. Salah satu video daripada Business Insider (2024) meneroka proses pembuatan keris di Indonesia, dengan fokus kepada Subandi Suponingrat, seorang tukang keris yang telah mengabdikan dirinya kepada kraf ini selama 42 tahun. Bengkel beliau menjadi pusat penting dalam memastikan kesinambungan warisan ini, dengan bantuan anak murid dan generasi baharu yang dilatih. Video ini menekankan bagaimana keris bukan sekadar senjata tetapi juga simbol spiritual yang menghubungkan generasi, walaupun seni pembuatannya berdepan cabaran seperti kekurangan minat generasi muda dan kekangan bahan mentah. Namun, seni pembuatan keris kini berdepan cabaran kerana semakin berkurangnya golongan muda yang berminat untuk mempelajari kemahiran tradisional ini. Hal ini mendorong kerajaan Indonesia dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) untuk campur tangan dalam usaha pemeliharaannya.

Cabarannya sama turut diketengahkan dalam video daripada Ric Snt (2023), yang memberi tumpuan kepada seni pembuatan keris di Bali. Video ini memperincikan setiap peringkat proses pembuatan keris, bermula dengan ritual penghormatan terhadap bahan mentah sehingga teknik rumit dalam menempa dan membentuk bilah. Pande Made Berata, seorang tukang keris yang ditampilkan dalam video ini, menjelaskan bahawa setiap bilah keris membawa falsafah tersendiri, menjadikannya lebih daripada sekadar senjata. Proses yang memerlukan masa berbulan-bulan ini mencerminkan betapa seni pembuatan keris bukan sahaja memerlukan kemahiran teknikal, tetapi juga penghormatan terhadap tradisi dan nilai budaya. Keseluruhan proses adalah intensif buruh, selalunya mengambil masa beberapa bulan untuk disiapkan, dan menghasilkan bilah yang bukan sahaja berfungsi sebagai senjata tetapi juga sebagai simbol identiti, kerohanian, dan seni.

Tambahan pula, video daripada (Qila Husni, 2022) menonjolkan kepentingan budaya yang mendalam dari keris Melayu tradisional dan ketukangan rumit yang terlibat dalam penciptaannya, terutamanya memberi tumpuan kepada seni membuat kedua-dua bilah dan sarungnya. Ia menampilkan seorang ahli tukang besi, Pak Mazin, yang telah mengasah krafnya sejak kecil dan terkenal kerana menghasilkan bilah keris yang berkualiti tinggi. Video tersebut menerangkan proses

penempaan mata pisau yang teliti melibatkan pemanasan dan lipatan besi berserta pemilihan bahan untuk sarungnya, yang dibuat oleh seorang lagi tukang mahir, Pak Din. Keris bukan sahaja senjata tetapi juga lambang kebanggaan dan warisan budaya dalam kalangan orang Melayu, dengan tokoh sejarah seperti Hang Tuah mewakili kepentingannya. Video ini menekankan kepentingan memelihara kraf tradisional ini untuk generasi akan datang dan menggalakkan golongan muda untuk melibatkan diri dan mempelajari kemahiran ini untuk mengekalkan warisan itu.

Selain sumber media, tinjauan melalui Google Scholar turut mendapati banyak kajian ilmiah yang mengupas kepentingan keris dari pelbagai aspek. Sebagai contoh, Abdul Aziz (2019) meneliti sejarah dan evolusi keris di Indonesia, yang pada asalnya berfungsi sebagai senjata tetapi kemudian menjadi simbol status sosial dan kekuasaan. Kajian ini menunjukkan bagaimana perubahan zaman telah mengubah fungsi keris, daripada alat pertahanan diri kepada objek bernilai seni dan budaya yang dihargai oleh masyarakat. Penggunaannya pada zaman dahulu, tepatnya zaman kerajaan Majapahit sebagai senjata untuk berperang atau sebagai pelengkap ritual. Namun pada saat ini keris telah berubah fungsi. Dari senjata tikam dan pelengkap ritual, keris kemudian berkembang menjadi simbol status sosial dan simbol untuk menunjukkan kekuasaan maupun harapan dari pemiliknya. Penerapan genre potret bermaksud mengupas aspek “human interest” individu atau kelompok.

Seiring dengan perubahan fungsi ini, kajian oleh Azlina Musa (2018) pula menyentuh aspek unik penggunaan keris dalam perubatan tradisional Melayu. Kajian kes di Pasir Mas, Kelantan ini mendapati bahawa keris sering digunakan dalam amalan perubatan yang melibatkan bomoh, terutamanya untuk menangani gangguan spiritual. Ini menunjukkan bahawa keris bukan sekadar senjata atau warisan budaya, tetapi juga mempunyai peranan dalam kepercayaan dan amalan masyarakat Melayu..

Tambahan pula, Keris adalah salah satu alat persenjataan yang digunakan oleh orang Melayu selain daripada beberapa alat persenjataan lain yang terdapat di Tanah Melayu. Dari sudut pertukangan, kajian oleh Anissa Afni (2022) meneliti cabaran yang dihadapi oleh tukang keris dalam menghasilkan bilah yang menarik dan berkualiti. Dapatkan kajian ini menunjukkan bahawa pemilihan bahan, teknik tempa, serta reka bentuk yang unik memainkan peranan penting dalam memastikan kelangsungan seni pembuatan keris. Kepentingan kemahiran tukang keris dalam menghasilkan bilah yang memiliki keunikan tersendiri turut diperjelaskan dalam kajian ini.

Mengukuhkan lagi kepentingan keris sebagai warisan budaya, Nor Afian Yusof (2022) menegaskan bahawa keris bukan hanya sekadar senjata tetapi juga simbol ketuanan, kedaulatan, dan jati diri Melayu. Evolusi keris dari alat mempertahankan diri kepada pusaka dan lambang status menunjukkan nilai budaya yang mendalam dalam masyarakat Melayu. Setiap elemen pada keris, sama ada bilah, hulu, atau sarung, membawa makna tersendiri yang berkaitan dengan falsafah Melayu. Kini, keris terus dihormati sebagai warisan budaya yang melambangkan maruah dan identiti Melayu.

Selain itu, kajian oleh Khamis Mohamad (2013) meneliti bagaimana perubahan zaman telah mengubah persepsi masyarakat terhadap keris. Jika dahulu ia berfungsi sebagai senjata dan alat regalia diraja, kini ia lebih dilihat sebagai azimat dan senjata pusaka. Kajian ini turut membincangkan bagaimana tafsiran moden terhadap simbolisme keris telah menimbulkan kontroversi, terutamanya dalam tindakan seperti mencium dan menjulang keris dalam upacara adat. Falsafah penciptaan keris dikaitkan dengan unsur alam serta konsep jati diri, maruah, dan kekuasaan. Walaubagaimanapun, salah tafsir terhadap simbolisme tindakan seperti mencium dan menjulang keris telah menimbulkan kontroversi dalam masyarakat moden.

Dari perspektif sejarah, Zamri Ahmad (2019) mengkaji perkembangan keris Melayu Semenanjung sejak zaman Majapahit, dengan meneliti peranan keris dalam pelbagai aspek kehidupan, termasuk sebagai pelengkap busana, alat perdukunan, dan simbol kuasa. Kajian ini turut menyentuh kepentingan Keris Taming Sari dalam sejarah Kesultanan Melayu Melaka, yang sehingga kini masih digunakan dalam istiadat rasmi sebagai lambang kekuasaan. Setiap jenis keris memiliki keunikan dari segi bilah, hulu, dan sarung yang mencerminkan identiti budaya Melayu.

Akhir sekali, Zamri Ahmad (n.d.) membincangkan aspek perundangan berkaitan pemilikan keris, dengan merujuk kepada Akta 357 yang mengklasifikasikan keris sebagai senjata berjadual. Walaupun secara undang-undang ia dianggap sebagai senjata, dalam konteks budaya, keris tetap diiktiraf sebagai lambang kebesaran dan pusaka yang diwarisi turun-temurun. Ini menunjukkan bahawa walaupun peranannya berubah mengikut zaman, nilai budaya dan simbolisme keris tetap utuh dalam masyarakat Melayu. Dari sudut perundangan, Akta 357 mengklasifikasikan keris sebagai senjata berjadual, yang mana pemilikan dan penggunaannya tertakluk kepada undang-undang.

7. METODOLOGI

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan dua kaedah utama, iaitu temu bual dan analisis dokumen, bagi memastikan hasil kajian yang holistik dan menyeluruh. Temu bual bersemuka dijalankan dengan penggiat seni pembuatan keris bagi mendapatkan pandangan langsung mengenai teknik, cabaran, dan usaha pemeliharaan warisan ini. Temu bual dirancang dengan teliti, termasuk penyediaan soalan lebih awal bagi memastikan perbincangan teratur dan memberi fokus kepada aspek penting dalam kajian. Rakaman temu bual dilakukan dengan izin responden untuk menjamin ketepatan maklumat, yang kemudian ditranskrip dan dianalisis secara mendalam. Selain itu, analisis dokumen melibatkan kajian terhadap sumber bertulis seperti manuskrip lama, kajian akademik, dan laporan berkaitan sejarah serta evolusi seni pembuatan keris. Pendekatan ini membolehkan penyelidik menggabungkan data lisan dan bertulis bagi menghasilkan gambaran menyeluruh tentang kelangsungan seni pembuatan keris dalam masyarakat Melayu.

Pendekatan kedua ialah analisis dokumen, yang bertujuan melengkapkan dan memperkuuh dapatan daripada temu bual. Pelbagai bahan rujukan, seperti jurnal akademik, artikel, dan dokumen yang diperoleh melalui internet, dianalisis secara kritikal. Dokumen-dokumen ini bukan sahaja menyediakan latar belakang yang relevan tetapi juga memberikan konteks yang lebih luas kepada kajian. Analisis dokumen membantu mengenal pasti hubungan antara maklumat yang diperoleh daripada temu bual dengan pengetahuan sedia ada, seterusnya menyokong atau memperluaskan dapatan kajian.

Kombinasi kedua-dua pendekatan ini menghasilkan kajian yang lebih seimbang dan komprehensif. Data daripada temu bual memberikan pandangan mendalam yang bersifat peribadi dan unik, manakala analisis dokumen menyediakan asas untuk membandingkan dan mengesahkan maklumat tersebut. Dengan mengintegrasikan data daripada kedua-dua sumber, kajian ini bukan sahaja memperkayakan pemahaman terhadap topik yang dikaji tetapi juga memberikan gambaran yang lebih holistik kepada pembaca. Pendekatan ini memastikan setiap dapatan kajian berasaskan fakta yang kukuh dan analisis yang teliti, sekaligus meningkatkan kredibiliti dan ketepatan hasil kajian.

8. HASIL KAJIAN

Kajian ini mendapati bahawa pembuatan keris merupakan satu proses yang kompleks dan memerlukan kemahiran tinggi, merangkumi pemilihan bahan, teknik tempa tradisional, serta ukiran yang sarat dengan simbolisme budaya Melayu (Ibrahim, 2018). Setiap bilah keris bukan sekadar senjata, tetapi juga lambang status, kuasa, dan warisan turun-temurun yang mencerminkan kehalusan seni pertukangan Melayu. Proses pembuatannya melibatkan penggunaan besi terpilih, teknik lipatan logam yang rumit bagi membentuk pamor unik, serta ukiran hulu dan sarung yang menggambarkan unsur estetika dan kepercayaan masyarakat (Ahmad Shohor et al., 2022).. Selain itu, kajian ini juga mengenal pasti cabaran dalam memelihara seni ini, termasuk kekurangan tenaga mahir, kesukaran mendapatkan bahan mentah berkualiti, serta kurangnya minat generasi muda terhadap seni kraf tradisional (Borneo Post, 2023). Hasil kajian ini menegaskan bahawa usaha berterusan diperlukan untuk memastikan kelangsungan pembuatan keris sebagai warisan budaya yang berharga dalam masyarakat Melayu.

Proses pembuatan keris bermula dengan pemilihan bahan asas, iaitu besi baja dan besi tawar. Bahan ini dipilih dengan teliti untuk memastikan kualiti dan ketahanan bilah keris. Mengikut Encik Mazin, beliau menekankan pentingnya memahami sifat bahan melalui ujian bunyi dan tekstur, sebelum memulakan proses tempa (Arkib Negara Malaysia, n.d.).

Proses tempa dilakukan menggunakan dapur tradisional yang membakar arang kayu. Teknik ini memerlukan kawalan suhu yang teliti untuk memastikan besi dapat ditempa dengan sempurna tanpa kehilangan struktur asalnya (Abdul Wahab, 2020). Teknik memupuk, iaitu proses membentuk corak pamor pada bilah keris, juga merupakan aspek penting dalam pembuatan. Teknik pupukan ini mencampurkan tujuh lapisan logam yang ditempa berulang kali, menghasilkan corak unik yang bukan sahaja estetik tetapi juga melambangkan falsafah alam dan kepercayaan tradisional (Ahmad, 2019).

Selain itu, keris hadir dalam pelbagai jenis dan bentuk, masing-masing dengan fungsi dan makna tersendiri. Antara jenis yang terkenal ialah Keris Anak Alang, Keris Lekuk, dan Keris Hukum Panjang, yang berbeza dari segi bilah, panjang, dan keunikan pamor. Reka bentuk bilah yang lurus atau berlekuk dipercayai mempengaruhi fungsinya, sama ada untuk pertempuran, perlindungan, atau simbol status pemiliknya. Keunikan ini menjadikan keris bukan sekadar alat, tetapi warisan budaya yang perlu dipelihara agar nilai dan identiti Melayu terus diwarisi oleh generasi akan datang (Muda & Salleh, 2022).

Keris Anak Alang adalah keris yang berbentuk lurus dan bersaiz kecil. Keris ini sering dianggap sebagai simbol permulaan atau langkah pertama dalam seni pembuatan keris (Orang Perak, n.d.). Menurut tradisi, pembuat keris memulakan latihan mereka dengan menghasilkan Keris Anak Alang kerana bentuknya yang lurus dan sederhana memerlukan fokus terhadap asas pembuatan tanpa kerumitan tambahan. Selain itu, saiz kecilnya menjadikannya keris yang mudah dibawa dan digunakan.

Keris Lekuk, di sisi lain, terkenal dengan reka bentuknya yang mempunyai lekukan atau "luk." Keris ini hadir dalam pelbagai variasi, seperti luk 3, luk 5, luk 7, dan luk 9, dengan setiap lekukan membawa makna tersendiri. Luk 3 dikaitkan dengan kestabilan, luk 5 melambangkan keseimbangan dan juga simbol Islam, luk 7 dianggap memiliki kekuatan mistik serta sering dikaitkan dengan perlindungan, serta merujuk kepada tujuh lapisan langit dan bumi. Manakala luk 9 pula merujuk kepada Wali Songo, yang menambahkan lagi dimensi spiritual dan sejarah pada simbolisme keris

tersebut (Yusuf et al., 2022). Keris Lekuk bukan sahaja dihargai kerana keindahannya tetapi juga kerana simbolisme spiritualnya yang mendalam.

Sementara itu, Keris Hukum Panjang adalah jenis keris yang biasanya digunakan dalam upacara adat dan istiadat diraja. Keris ini memiliki bilah yang panjang dan sering dihiasi dengan ukiran yang rumit, menjadikannya lambang kuasa dan kewibawaan (Berita Harian, 2016). Keris Hukum Panjang digunakan dalam majlis rasmi sebagai tanda penghormatan kepada tradisi dan hierarki sosial Melayu.

Dalam meneruskan tradisi pembuatan keris, terdapat cabaran besar yang dihadapi. Salah satu cabarannya adalah kekurangan bahan mentah berkualiti yang diperlukan untuk menghasilkan keris yang memenuhi piawai tradisional (Ibrahim, 2018). Bahan seperti besi dan kayu berkualiti tinggi kini sukar diperoleh kerana perubahan alam sekitar dan penggunaan teknologi moden yang lebih bergantung pada bahan tiruan. Selain itu, cabaran besar lain adalah kurangnya minat generasi muda terhadap seni tradisional ini. Dunia moden yang lebih tertumpu pada teknologi dan pekerjaan profesional menyebabkan seni pembuatan keris sukar menarik perhatian golongan muda untuk mewarisinya.



Gambar 1: Teknik Menempa Besi dari Buku Senjata Warisan terbitan Lembaga Muzium Selangor

9. KESIMPULAN

Merumuskan sumbangan utama kajian berkaitan dan bahan yang dirujuk. Membuat kesimpulan dengan menunjukkan perkaitan antara topik utama dalam literatur dengan bidang yang dikaji. Kajian ini menegaskan bahawa seni pembuatan keris bukan sekadar warisan budaya, tetapi juga lambang identiti dan keunikan masyarakat Melayu. Proses pembuatannya melibatkan teknik pertukangan yang rumit, dari pemilihan bahan mentah berkualiti hingga proses tempa dan ukiran yang sarat dengan simbolisme. Keris bukan hanya alat pertahanan diri, tetapi juga memiliki nilai estetika dan spiritual, mencerminkan status sosial serta kepercayaan masyarakat terhadap elemen mistik dan sejarah. Setiap bilah yang dihasilkan membawa makna tersendiri, menjadikannya lebih daripada sekadar senjata tradisional..

Walaupun seni ini semakin terpinggir akibat perubahan zaman, cabaran dalam mendapatkan bahan mentah berkualiti, serta penurunan minat generasi muda, usaha untuk mengekalkan warisan ini perlu diperkujuh. Kajian dan dokumentasi yang dilakukan memainkan peranan penting dalam mendidik masyarakat tentang keunikan dan kepentingan seni pembuatan keris. Selain itu, penglibatan institusi pendidikan, galeri warisan, dan dasar kerajaan yang menyokong pemuliharaan seni kraf tradisional boleh membantu memastikan kelangsungan seni ini. Dengan usaha berterusan, keris akan terus dihargai bukan sahaja sebagai peninggalan sejarah, tetapi juga sebagai simbol kebanggaan budaya Melayu yang diwarisi oleh generasi akan datang.

Dengan itu, kajian ini dilakukan agar seni pembuatan keris terus dihargai dan dipelihara, sama ada melalui inisiatif pendidikan, sokongan masyarakat, atau dasar kerajaan. Usaha ini bukan sahaja

memastikan kelangsungan seni pembuatan keris, tetapi juga mengekalkan identiti budaya Melayu untuk generasi akan datang.

Penghargaan:

Dengan penuh rasa syukur dan penghormatan, kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Encik Jafalizan Bin Md Jali, pensyarah yang telah banyak mencerahkan ilmu dan bimbingan sepanjang perjalanan akademik saya. Budi dan jasa beliau dalam membimbing, memberi dorongan serta berkongsi ilmu yang begitu berharga tidak ternilai harganya. Segala tunjuk ajar dan nasihat beliau telah menjadi pendorong utama dalam mencapai kejayaan ini. Ucapan penghargaan juga ditujukan kepada tokoh Abdul Mazin Bin Abdul Jamil, yang telah memberi inspirasi serta menjadi contoh teladan dalam bidang ini. Sumbangan beliau dalam menyebarkan ilmu dan pengalaman amat dihargai dan menjadi dorongan kepada generasi masa depan. Tidak lupa kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah menjadi penyokong dan sahabat sepanjang perjalanan ini. Sokongan, perkongsian ilmu, serta dorongan yang diberikan amat bermakna dalam menghadapi pelbagai cabaran. Akhir sekali, setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada keluarga tercinta yang tidak pernah jemu memberi sokongan moral, doa, dan kasih sayang yang tidak berbelah bahagi. Tanpa sokongan mereka, tidak mungkin kami dapat berada pada tahap ini. Semoga segala usaha dan kejayaan ini menjadi kebanggaan buat mereka dan menjadi bukti kasih sayang serta pengorbanan yang telah dicurahkan.

Terima kasih.

RUJUKAN

- Abdul Wahab, A. (2020). Reviving the keris: Challenges and efforts in preserving traditional Malay weapons. *Malay Cultural Review*, 12(3), 89-104. <https://doi.org/10.1016/j.mcr.2020.04.015>
- Abdul Aziz. (2019). *Potret Perjuangan Sutomo dalam Upaya Melestarikan Pembuatan Keris Melalui Film Dokumenter "Tempa Warisan Majapahit."* Institut Seni Indonesia Yogyakarta. <https://digilib.isi.ac.id/5985/>
- Ahmad Shohor, A. A., Che Awang, A. S., Mat Yatin, S. F., Nik Ariffin, N. A., & MD Jali, J. (2022). *Nilai estetika dalam seni warisan keris.* UITM Institutional Repository. <https://ir.uitm.edu.my/id/eprint/92633/>
- Ahmad, Z. (2019). *KERIS MELAYU SEMENANJUNG: SUATU PENGENALAN.* Universiti Islam Selangor. http://journal.kuis.edu.my/jauhar/images/artikel/Jilid3bil2/6_Nurul_Fadzlin-UPM.pdf
- Ahmad, Z. (n.d.). *Keris: senjata atau busana?.* Jabatan Muzium Malaysia. <http://www.jmm.gov.my/files/Slaid%20Program%20Bicara%40Muzium%20Keris%20Senjata%20atau%20Busana.pdf>
- Arkib Negara Malaysia. (n.d.). Sejarah keris Melayu. Arkib Negara Malaysia.
- Azrina Musa. (2018, March 31). *Analisis Penyelidikan Keris dalam Pengubatan Tradisional Melayu Suatu Kajian Kes di Pasir Mas, Kelantan.* Journal of Sultan Alauddin Sulaiman Shah. <https://jsass.uis.edu.my/index.php/jsass/article/view/91>
- Berita Harian. (2016, December). Legasi pandai besi masuk istana. Berita Harian. Retrieved from <https://www.bhariani.com.my/bhplus-old/2016/12/219539/legasi-pandai-besi-masuk-istana>
- Borneo Post. (2023, June 27). The decline of the traditional art of keris-making in Malaysia. Borneo Post. Retrieved from <https://www.theborneopost.com/2023/06/27/the-decline-of-the-traditional-art-of-keris-making-in-malaysia>
- DOKUMENTARI WARISAN SENI PEMBUATAN KERIS DAN SARUNG. (2022). *Youtube.* Retrieved January 10, 2025, from <https://youtu.be/jHSqupyGQE?si=aZV4iGGkMDmcGc3t>.
- ExpatGo. (2017, December 22). Crafting the Keris: Pak Mazin. ExpatGo. Retrieved from <https://www.expatgo.com/my/2017/12/22/crafting-the-keris-pak-mazin/>

How 1,200-Year-Old Keris Daggers Tradition Is Fighting To Survive | Still Standing. (2024). *Youtube.* Retrieved January 10, 2025, from https://www.youtube.com/watch?v=juZryA0Y5C0&ab_channel=BusinessInsider.

Ibrahim, R. (2018). The role of oral tradition in the preservation of Malay craftsmanship: The making of the keris. *Journal of Southeast Asian Arts and Crafts*, 7(1), 21-37. <https://doi.org/10.1016/j.jseaa.2018.03.002>

Kerinchi Arts. (2010, February). Pembuat Keris Tradisi: Pak Mazin Kuala Kangsar. Kerinchi Arts. Retrieved from <http://kerinchiarts.blogspot.com/2010/02/pembuat-keris-tradisi-pak-mazin-kuala.html>

Muda, Z., & Salleh, N. (2022). Preserving the heritage of traditional weapons in Malaysia: The case of keris and its cultural significance. *International Journal of Malaysian Studies*, 15(2), 45-63. <https://doi.org/10.1016/j.ijms.2022.02.008>

Mohamad, K., & Shuhaimi, H. (n.d.). *Keris: Falsafah dan Isu Masa Kini*. Universiti Kebangsaan Malaysia. https://www.ukm.my/jatma/wp-content/uploads/makalah/IMAN_12_Mei_2013_-_05.pdf

TERNYATA BEGINI PROSES PEMBUATAN KERIS YANG MELEGENDA! (2023). *Youtube.* Retrieved January 10, 2025, from https://www.youtube.com/watch?v=sK8IRqF0WM0&ab_channel=Ricsnt.

Orang Perak. (n.d.). Kenali Pembuat Keris Agong dan Sultan Perak. Orang Perak. Retrieved from <https://www.orangperak.com/kenali-pembuat-keris-agong-dan-sultan-perak.html>

USIM Kebudayaan. (n.d.). Pak Mazin, Pandai Besi Keris Hebat Melayu. USIM Kebudayaan. Retrieved from <https://kebudayaan.usim.edu.my/pak-mazin-pandai-besi-keris-hebat-melayu/>

Yusuf, A., Mamat, M., Eng, L. K., & Haron, H. (2022). *KERIS: MENGENAL ASAL-USUL, FALSAFAH DAN FUNGSI*. UKM Journal Article Repository. <https://jurnalarticle.ukm.my/21252/1/60090-199121-1-SM.pdf>